

BAB 2

TINJAUAN DAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Bagi membuat kajian ini pengkaji telah membuat beberapa tinjauan dan kajian yang berkaitan dengan bidang analisis kesilapan yang dipilih. Selain itu pengkaji turut membuat tinjauan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan penguasaan bahasa di kalangan pelajar. Antara tinjauan dan kajian yang dibuat ialah:

- a. Bahasa Merentas Kurikulum
- b. Pengajaran Ekonomi Asas di sekolah
- c. Kajian-kajian analisis kesilapan di Barat
- d. Kajian-kajian analisis kesilapan tempatan

2.1 Bahasa Merentas Kurikulum

Bahasa ialah cara manusia berkomunikasi dan berlaku pemelajaran. Hakikat itu perlu disedari oleh semua guru bahasa dan guru mata pelajaran lain. Oleh itu dalam pengalaman pendidikan terutama pendidikan formal di sekolah, perkembangan kemahiran menggunakan bahasa menjadi perkara

yang paling asas dalam membantu tercapainya potensi pelajar. Dengan kata lain memperkembangkan kemahiran menggunakan bahasa adalah asas kurikulum sekolah (**Petty & Jensen**, 1980:8). Dengan itu pemelajaran mata pelajaran dalam kurikulum harus menggunakan sepenuhnya bahasa dengan menghubungkaitkan pengalaman bahasa dengan pemelajaran mata pelajaran lain.

Usaha untuk meninggikan taraf penguasaan Bahasa Malaysia Merentas Kurikulum (BMMK) perlu dilaksanakan dengan memberi penekanan baru dalam pendidikan. BMMK pada hakikatnya adalah bertujuan untuk menentukan bagaimana proses-proses pemelajaran yang berlaku di kalangan pelajar dalam bidang ilmu.

Kajian **Jawatankuasa Bullock** (1975) dalam Perakuan 138 dan 139 yang dibuat dalam **Laporan Bullock** (1976) menyatakan betapa pentingnya peranan bahasa dalam pemelajaran dan kurikulum sekolah. Perakuan 138 dan 139 adalah seperti berikut:

"Recomendation 138: In the secondary school, all subject teachers need to be aware of:

- (i) the linguistics processes by which their pupils acquire information and understand, and the implications of the teachers own use of language;
- (ii) the reading demands of their own subjects, and ways in which the pupils can be helped to meet them.

Recomendation 139: To bring about their understanding, every secondary school should develop a policy for language across the Curriculum. The responsibility for this policy should be embodied in the organisational structure of the schools".

Menurut **Marland** (1977) dalam tesis M.ed., *Language Across The Curriculum*, jika pihak sekolah mencari idea pemikiran dan waktu untuk membantu perkembangan bahasa, pemelajaran semua mata pelajaran akan menjadi lebih berkesan dan perhatian yang serius yang diberikan kepada bahasa bagi kandungan dan kemahiran mata pelajaran lain akan menjadikan perkembangan penguasaan bahasa lebih berkesan melalui konteks dan tujuan mata-mata pelajaran ini.

Makhan L. Tickoo (1986) menyatakan bahawa Bahasa Merentas Kurikulum adalah untuk meningkatkan penggunaan bahasa di sekolah. Setiap sekolah hendaklah membentuk satu dasar Bahasa Merentas Kurikulum dalam struktur organisasinya.

Dalam konteks Pendidikan Malaysia kini Bahasa Malaysia Merentas Kurikulum patut diberi perhatian. Idea ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada guru-guru tentang pentingnya peranan bahasa dalam pengajaran dan pemelajaran iaitu penggunaan bahasa yang tepat, berkesan dan sesuai larasnya dalam bidang ilmu yang terbabit.

2.1.1 Bahasa Mempengaruhi Kejayaan Pelajar

Peperiksaan merupakan suatu penilaian yang dijalankan untuk mengkaji sejauh manakah kecekapan calon dalam menjawab soalan. Soalan yang diajukan akan menguji ingatan pelajar terhadap sesuatu fakta atau teori.

Menurut **Izani Hj. Daud** (1998) sekadar mengingat fakta kadangkala tidak menjamin seseorang calon itu lulus atau cemerlang kerana untuk lulus atau cemerlang,

pelajar harus menyampaikan atau mengaplikasikan fakta yang ada agar menepati kehendak soalan. Di sinilah bahasa memainkan peranan yang sangat penting. Seseorang pelajar yang lemah dalam penggunaan bahasa tidak akan berjaya untuk memaparkan idea dengan baik kerana bahasa merupakan media untuk menyampaikan sesuatu istilah yang digunakan dalam soalan peperiksaan.

Kelemahan dalam penguasaan bahasa juga akan menyebabkan seseorang pelajar membuat tanggapan yang salah atau tidak tepat terhadap sesuatu istilah yang digunakan dalam soalan peperiksaan.

Salah satu perkara yang perlu diberi perhatian dalam menjawab soalan eseai ialah ejaan. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kesalahan ejaan sudah pastilah mengakibatkan pemotongan markah. Walaupun dalam mata pelajaran lain seperti ekonomi, Sejarah dan Geografi aspek ejaan tidak diambil kira namun kesalahan ejaan ini sedikit sebanyak menyukarkan pembacaan oleh pemeriksa. Apabila keadaan ini berlaku, sudah pastilah ia akan menjelaskan pemarkahan.

Di samping itu struktur ayat yang tidak betul juga akan memberi kesan kepada jawapan yang disampaikan oleh

calon. Ayat yang tunggang langgang dan jawapan yang panjang serta berbelit-belit akan menyebabkan fakta yang hendak disampaikan tidak kesampaian.

Tegasnya selain daripada fakta yang diperlukan dalam jawapan peperiksaan, tahap penguasaan bahasa adalah penting untuk menjamin kejayaan seseorang pelajar. Sebab itu dikatakan bahawa bahasa mempunyai potensi yang tinggi untuk berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan.

2.2 Pengajaran Ekonomi Asas Di Sekolah

Ekonomi Asas merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang menjadi pilihan calon untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Sebagai mata pelajaran elektif, adalah penting mata pelajaran Ekonomi Asas ini dikuasai oleh pelajar demi untuk mendapatkan 'gred' yang baik dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Ini kerana pengiraan gred dalam SPM mensyaratkan dua mata pelajaran yang wajib dikira ialah mata pelajaran elektif.

2.2.1 Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa mata pelajaran Ekonomi Asas untuk Sijil Pelajaran Malaysia ini dibahagikan kepada lapan tajuk utama. Ia meliputi 5 tajuk untuk tingkatan 4 dan 3 tajuk untuk tingkatan 5.

a) Tajuk 1: Pengenalan Kepada Ekonomi.

Melalui tajuk ini pelajar akan mengetahui mengenai takrif ekonomi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh unit ekonomi iaitu individu, firma, dan kerajaan. Pelajar akan didedahkan kepada masalah asas ekonomi dan bagaimana ekonomi yang diamalkan oleh negara-negara di dunia menyelesaikannya.

**b) Tajuk 2: Individu Sebagai Pengguna, Pengeluar,
Penabung dan Pelabur**

Melalui tajuk ini pelajar akan dapat mengenalpasti keperluan dan kehendak individu dan bagaimana individu memperolehi pendapatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Selain daripada itu pelajar juga akan mengetahui bagaimana individu menggunakan pendapatan yang mereka perolehi.

c) Tajuk 3: Isi Rumah Sebagai Pengguna

Tajuk ini akan mengemukakan pengertian isi rumah dan objektif penggunaan isi rumah. Dalam tajuk ini juga pelajar akan mengetahui konsep permintaan, keluk permintaan dan konsep keanjalan harga permintaan.

d) Tajuk 4: Firma Sebagai Pengeluar

Tajuk ini akan memberi pengertian firma dan pengeluaran. Beberapa istilah juga dikemukakan dalam tajuk ini iaitu seperti konsep kos

pengeluaran, penawaran, keanjalan penawaran dan keluk penawaran.

e) Tajuk 5: Pasaran

Melalui tajuk ini pelajar akan didedahkan kepada konsep pemasaran, keseimbangan pasaran dan jenis-jenis pasaran. Pelajar akan mengetahui bagaimana aliran pusingan berlaku dalam ekonomi dua sektor.

f) Tajuk 6: Wang dan Institusi Kewangan

Tajuk ini akan memperkenalkan pengertian wang, bank dan institusi kewangan bukan bank. Pelajar juga akan dapat mempelajari mengenai jenis-jenis dan fungsi masing-masing dalam ekonomi.

g) Tajuk 7: Ekonomi Negara

Melalui tajuk ini pelajar akan didedahkan kepada:

- a. Struktur ekonomi negara
- b. Kegiatan ekonomi penduduk bandar dan desa

- c. Belanjawan dan hutang negara
- d. Dasar Ekonomi Negara

h) Tajuk 8: Hubungan Ekonomi Antarabangsa

Tajuk ini akan memperkenalkan pelajar kepada perdagangan antarabangsa. Keadaan ekonomi antarabangsa Malaysia juga akan dilihat melalui komposisi ekspot dan impot, arah aliran impot dan ekspot sertaimbangan dagangan negara. Pelajar juga akan didedahkan kepada bentuk-bentuk sekatan yang terdapat dalam perdagangan antarabangsa dan kadar pertukaran asing.

2.3 Tinjauan dan Kajian Penulisan Analisis Kesilapan

Kajian mengenai penguasaan bahasa ditumpukan kepada keupayaan pelajar menjawab soalan atau soal selidik yang dikemukakan oleh para pengkaji. Analisis dilakukan berdasarkan kepada kesalahan dan kesilapan yang dikemukakan dan seterusnya akan memberi maklumat yang lengkap tentang kekuatan dan kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa.

2.3.1 Tinjauan dan Kajian Penulisan Analisis Kesilapan Oleh Penulis-penulis Barat.

Terdapat ramai pengkaji dan penulis di barat yang menulis mengenai analisis kesilapan. Antara penulis yang terkenal dalam bidang analisis kesilapan ini ialah **Pit Corder**.

Corder (1967) berpandangan bahawa kesilapan-kesilapan bahasa di kalangan pelajar tidak harus dilihat sebagai satu tanda gangguan bahasa natif, tetapi sebagai suatu bayangan kepada alat yang digunakan oleh pelajar untuk menguji hipotesis berkenaan dengan sifat bahasa yang dipelajarinya. Teknik ini dikenali sebagai analisis kesilapan. Melalui penulisannya "The Significance of learners Error" (1969) **Corder** menyatakan bahawa kesilapan tidak boleh dianggap sebagai tanda kawalan diri tetapi sebagai bukti strategi pemelajaran. Mengikut Corder lagi:

"..... All learners make mistakes. This is not confined to the language learners. We all makes mistakes when we are speaking out mother tongue".

Terdapat beberapa sebab pengguna sesuatu bahasa melakukan kesalahan. Antaranya adalah berkaitan dengan

bentuk bahasa format yang terikat dengan peraturan yang mesti dipatuhi. Peraturan tersebut melibatkan situasi penggunaan yang kadang-kadang dalam menggunakan bahasa formal, seseorang akan terbawa-bawa dalam bentuk yang tidak formal. Menurut **Corder** penggunaan bentuk bahasa yang tidak formal dalam konteks penggunaan bahasa formal dianggap kesalahan bahasa.

Corder juga mendefinisikan kesilapan sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau yang menyalahi bentuk-bentuk pertuturan dan ia meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Menurut **Corder** lagi:

"Every sentences is to be regarded as idiosyncratic until shown to otherwise"

(Richards, 1974:166)

Untuk mengetahui sama ada sesuatu ayat itu silap atau tidak, kita mesti berpandukan kepada dua kriteria.

- i. Ayat harus memenuhi kriteria keberterimaan. Hal ini bermakna bahawa ayat itu mesti purnabentuk mengikut peraturan-peraturan tatabahasa atau "rules of usage".
- ii. Ayat harus memenuhi kriteria kesesuaian. Ini bermaksud bahawa ayat yang purnabentuk itu harus sesuai penggunaannya dari segi konteks atau "rules of use". Sekiranya ayat itu purnabentuk tetapi tidak sesuai dari segi konteks, hal ini bermakna bahawa ayat tersebut mengandungi kesilapan.

Kadang-kadang akan berlaku keadaan pelajar telah menghayati peraturan-peraturan tatabahasa tetapi mereka membuat kesilapan kerana kurang prihatin atau terlupa. Apabila disuruh membetulkan kesilapan, pelajar sedikit sebanyak dapat berbuat demikian dan dapat menerangkan peraturan tatabahasa itu. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ini lebih merupakan kesilapan penampilan.
(Corder dan Allen, 1979:131).

Pakar-pakar analisis kesilapan di barat berpendapat bahawa majoriti gangguan bahasa bukan berpunca daripada bahasa pertama tetapi kebanyakannya berpunca daripada bahasa kedua atau disebut

'intralingual' dan bersifat "developmental error". Oleh itu, hubungan kesalahan bahasa yang dilakukan dalam penterjemahan dari bahasa pertama ke bahasa kedua oleh penterjemah yang menggunakan bahasa kedua dapat dikaitkan seperti berikut:

"Native speakers are capable of recognizing and correcting such 'lapses' or mistakes, which are not the results of a deficiency in competence but the results of some sort of breakdown or imperfection in the process of producing speech hesitations, slip of tongue, random ungrammaticalities, and other performance lapses"

(Brown :1980)

Walau bagaimanapun, selain faktor-faktor Interlingual dan Intralingual terdapat faktor-faktor lain yang mesti diambil kira, misalnya emosi, umur, pendedahan dan persekitaran. **Chomsky** (1964) umpamanya pernah menyebut bahawa faktor keletihan dan kurang perhatian menyebabkan kesilapan penampilan dan kekurangan pengetahuan tentang tatabahasa atau "rules of language" sebagai faktor kecekapan.

Kajian analisis kesilapan di barat juga banyak tertumpu kepada bahasa utama dunia iaitu Bahasa Inggeris. Negara yang banyak membuat kajian ialah Amerika Syarikat dan Britain. Kajian yang berkaitan

dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji telah dilakukan pada tahun 1955 oleh **Anderson** dan **Staiger** (1957), **Strom** (1960) serta **Burn** dan **Troxel** (1961). Kajian-kajian yang dibuat oleh mereka memberi tumpuan khusus kepada kesalahan tatabahasa yang terangkum di bawah aspek-aspek morfologi-sintaksis.

George (1972) pula banyak memberi tumpuan kepada punca-punca yang menyebabkan pelajar-pelajar melakukan kesilapan. Beliau menyatakan kesilapan pelajar boleh berlaku berdasarkan keadaan-keadaan berikut iaitu:

- a. Pelajar tidak menerima semua isi pelajaran yang didedahkan oleh guru kepada mereka.
- b. Menerima dengan salah atau tidak lengkap sesuatu isi pelajaran.
- c. Tersalah memilih bahagian-bahagian isi pelajaran untuk diproses dan dikekalkan dalam ingatan.
- d. Salah cara memproses (menginterpretasi) dan mengingati isi pelajaran.

e. Gagal menerapkan isi pelajaran yang telah diterima dan diingati dalam konteks yang baru.

Kajian yang dilakukan oleh **George** (1972) ini menampakkan kesilapan pelajar terletak pada bahu pelajar. **Richard** dan **Selinker** (1971), dipetik dalam **Juriah Long, Raminah Hj. Sabran** dan **Sofia Hamid** (1990:311) pula meletakkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah berpunca daripada kesalahan pelajar sendiri dan juga faktor guru.

Mengikut mereka, pelajar melakukan kesilapan kerana telah menyalahgunakan pembetulan yang telah dibuat oleh guru pada masa lampau. **Richards** dan **Selinker** juga telah membuat kajian bahawa ketidakberkesanan proses pengajaran guru disebabkan kesalahan guru dalam penguasaan bidang yang diajar. Hal ini bertambah apabila guru gagal mengesan dan mengenalpasti di manakah kesilapan pelajar dan seterusnya membiarkan kesilapan terus berulang-ulang tanpa diperbetulkan.

Politzer dan **Raminez** (1973) yang membuat kajian analisis kesilapan terhadap 120 kanak-kanak Mexico

Amerika di Amerika Syarikat pula telah membahagikan kesilapan kepada 3 kategori utama iaitu:

- i) Morfologi
- ii) Sintaksis
- iii) Leksikal

Ketiga-tiga kategori ini kemudiannya dibahagi-bahagikan kepada subkategori yang lain seperti kata, frasa nama, gantinama, kata kerja, kata sifat dan kata sandang.

Corder (1981) pula telah menggolongkan kesilapan kepada tiga kesilapan kemampuan. Kesilapan kemampuan ini ditujukan khusus kepada pengguna bahasa kedua. Kesilapan-kesilapan itu ialah:

- a. Kesilapan Prasistematik - pada tahap ini pelajar berada pada tahap belum memahami struktur dan tatabahasa yang dipelajari.
- b. Kesilapan Sistematik - pelajar telah belajar dan memahami struktur dan tatabahasa bahasa kedua tetapi belum memahami penggunaannya dan

sering membuat hipotesis yang kurang tepat dari segi penggunaannya.

- c. Kesilapan Pasca Sistematik - kesilapan ini lebih merupakan kesilapan penampilan kerana walaupun pelajar membuat kesilapan tatabahasa, pada peringkat ini biasanya mereka dapat membetulkan kesilapan tersebut.

2.3.2 Tinjauan dan Kajian Penulisan Analisis Kesilapan oleh Penulis-penulis Tempatan

Za'ba (1965), **Asmah Haji Omar** (1980), **Nik Safiah Karim** (1978) dan **Arbak Othman** (1981) telah bersepakat mengenai kesilapan bahasa. Mereka berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang terkeluar daripada penggunaan yang baku adalah dianggap sebagai kesalahan bahasa melainkan sekiranya bahasa itu digunakan di luar daripada penggunaan formal, misalnya penggunaan dialek-dialek bahasa Melayu.

Mengikut **Ibrahim Ahmad** (1989) pula, kesalahan bahasa berlaku disebabkan ketidakfahaman atau kejahilan itu terhadap hukum tatabahasa yang

dipelajarinya. Manakala kesilapan bahasa pula berlaku disebabkan oleh faktor-faktor bukan linguistik seperti kegagalan ingatan, ketegangan, keletihan fizikal atau mental dan kadang-kadang kemabukan.

Raja Mukhtaruddin (1967) telah membuat kajian terhadap mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaya yang belum pernah mempelajari bahasa Malaysia Baku. Melalui kajiannya beliau mendapati bahawa kesilapan bahasa yang utama ialah kesilapan dalam pembentukan ayat, frasa dan pengimbuhan kata.

Awang Mohamad Amin (1978) yang memetik daripada **Sharma** (1981) telah mengkategorikan kesalahan bahasa kepada tiga kategori iaitu:

- a. Kesalahan bahasa yang lazimnya disebut 'error' atau 'lapse'. Kesalahan jenis ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor extralinguistik, seperti lupa terhadap peraturan yang dipelajari disebabkan oleh terlalu banyak peraturan dalam satu-satu bahasa, gangguan emosi, kelalaian semasa proses penerimaan (pemelajaran) dan kekurangan latihan yang betul-betul berkesan.

- b. Kesalahan bahasa yang berpunca daripada kekacauan atau kekeliruan kerana wujudkan faktor-faktor kelainan bentuk dalam penggunaan sesuatu bahasa. Misalnya, kekeliruan pengguna bentuk bahasa formal; seperti bahasa persuratan, bahasa akademik, bahasa kesusastraan dalam bentuk bahasa tidak formal seperti dialek dan bahasa pasar. Faktor-faktor kelainan ini meresap ke dalam ingatan pelajar melalui pelbagai cara seperti pergaulan dalam masyarakat, media massa, bahan bacaan dan mungkin juga melalui guru-guru yang tidak berhati-hati menggunakan kelainan itu dalam pengajaran mereka semasa di sekolah.
- c. Kesalahan bahasa dapat juga terjadi berakibat daripada pelajar tidak mempunyai 'competence of performance' yang cukup. Hal ini berlaku bagi pengguna bahasa kedua.

Kajian oleh **Awang Mohamad Amin** (1990) telah dilakukan terhadap pelajar-pelajar tingkatan empat di salah sebuah sekolah di Selangor Darul Ehsan. Beliau

mendapati pelajar-pelajar banyak melakukan kekerapan kesalahan kata dan jenis-jenisnya, kekerapan kesalahan ayat dan jenis-jenisnya dan kekerapan kesalahan bahasa. Kajian beliau adalah berdasarkan analisis karangan pelajar-pelajar.

Awang Sariyan dan **Mohd Sahari Nordin** (1990) telah membuat kajian terhadap guru-guru pelatih dari Universiti Islam Antarabangsa yang telah ditempatkan di Pahang dan Terengganu. Melalui kajian, mereka mendapati kekerapan aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh guru-guru pelatih tersebut meliputi aspek sintaksis, morfologi, penggunaan istilah dan kata. Mereka telah mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan kesalahan itu berlaku iaitu:

- a. Guru-guru pelatih tersebut kurang mendalami aspek-aspek sistem bahasa.
- b. Sikap guru-guru pelatih tersebut yang tidak berusaha meningkatkan penguasaan bahasa mereka di luar ruang kuliah dan tutorial.
- c. Desakan penggunaan bahasa baku kepada guru pelatih hanya dipraktikkan untuk tujuan

kursus sahaja. Ini menyebabkan berlaku kesalahan komunikasi dengan pelajar.

Mengantar Simanjuntak (1989) pula memberi sebab berlakunya kesilapan bahasa adalah disebabkan oleh penggunaan bahasa Malaysia yang semakin luas dan sukar. Beliau menganggap kesilapan yang dilakukan dapat dimaafkan untuk perancangan pembinaan serta perkembangan bahasa seterusnya. Mengantar Simanjuntak juga tidak bersetuju kesilapan dianggap sebagai pencemaran bahasa sebab kesilapan bahasa yang berlaku adalah kecil sahaja. Menurut beliau kesilapan yang dilakukan boleh dimanfaatkan untuk perancangan, pembinaan dan perkembangan bahasa seterusnya.

Abd. Rahim Mahmood (1996) telah membuat kajian kesilapan aspek morfologi di kalangan pelajar-pelajar Pra Akademi Islam Universiti Malaysia. Mengikut kajian beliau pelajar-pelajar ini tidak begitu menguasai dengan baik dua aspek morfologi iaitu morfem dan pengelasan kata.

2.4 Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kajian-kajian tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa aspek tatabahasa telah menimbulkan kesulitan dalam pemelajaran bahasa Melayu. Melalui kajian ini, pengkaji akan melihat aspek-aspek kesalahan bahasa dari segi penguasaan bahasa pelajar dalam memahami mata pelajaran Ekonomi Asas.